

CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA SEBAHAGIAN JALAN PUCHONG UTAMA 1 DAN JALAN PUCHONG UTAMA 2 TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	PREAMBLES
	<p>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</p> <p>A Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama dengan kadar harga yang dinyatakan didalamnya.</p> <p>B Kontraktor dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan preambles, kerja-kerja awalan dan senarai kuantiti. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua kerja yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam senarai kuantiti ini. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada pegawai penguasa atau wakilnya sekira terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini.</p> <p>C Lokasi pembaikan akan ditetapkan atau dipersetujui oleh pegawai penguasa atau wakil pegawai penguasa.</p> <p>BAYARAN FI PERKHIDMATAN BAGI PENGURUSAN KONTRAK</p> <p>D Pentender akan menanggung Fi perkhidmatan bagi pengurusan Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada LAMPIRAN A dalam Arahan Kepada Pentender.</p> <p>KESELAMATAN LOKASI KERJA</p> <p>E Semua peralatan diatas perlu dibekal baru bagi lokasi ini kecuali ia tidak dinyatakan. Setiap peralatan perlu sentiasa bersih agar ia kelihatan (visible) kepada pengguna laluan ini. Saiz papantanda yang digunakan perlu mematuhi Jadual Alat Keselamatan JKR-REAM atau lebih tinggi. Setiap peralatan perlu mendapat kelulusan / kebenaran Pegawai Penguasa atau wakilnya sebelum ia boleh digunakan di lokasi kerja.</p> <p>KERJA-KERJA PERSEDIAAN AWAL TAPAK</p> <p>F Kesemua peralatan diatas perlu mematuhi syarat/peraturan/pemeriksaan/kelulusan oleh pihak berwajib sebelum ia boleh dibawa ke tapak. Ciri-ciri keselamatan mesin/jentera seperti lampu hadapan, lampu belakang, bunyi amaran, hon, lampu amaran perlu sentiasa berada dalam keadaan baik sepanjang waktu kerja dijalankan.</p> <p>G Pihak kontraktor perlu kemukakan carta program kerja (work programme chart), senarai penggunaan jentera/mesin/loji dan method statement untuk semakan jabatan sebelum kerja fizikal dimulakan. Ia akan dibincangkan dan dipersetujui secara kolektif sebelum kerja fizikal dimulakan.</p>

CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA SEBAHAGIAN JALAN PUCHONG UTAMA 1 DAN JALAN PUCHONG UTAMA 2 TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	PREAMBLES
	<p>KERJA-KERJA PRA TURAPAN JALAN</p> <p>A Permukaan yang akan disembur <i>tact coat</i> ini perlulah dibersihkan terlebih dahulu dari longgokan pasir/tanah, air bertakung, sampah sarap, sampah landskap, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain bahan yang akan mengganggu tahap lekatan semburan menggunakan pembersih berkuasa (power broom).</p> <p>B Kerja turapan hanya boleh diteruskan selepas kerja semburan <i>bituminous tack coat</i> ini mendapat kelulusan / kebenaran Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa (kerja semburan ini juga akan dijalankan dilaluan masuk ke rumah sekiranya berkaitan)</p> <p>C Harga yang dikemukakan adalah termasuk bahan semburan, sewa mesin/jentera/loji dan upah buruh.</p> <p>KERJA-KERJA TURAPAN JALAN (CARRIAGEWAY DAN LALUAN MASUK KE RUMAH)</p> <p>D DIWAJIBKAN untuk menjalankan kerja penurapan 'TRIAL LAY' (minima 60 Mt) sebelum kerja-kerja penurapan sepenuhnya dilaksanakan di tapak.</p> <p>E Bahan turapan perlu dibekal dari kuari yang diluluskan oleh pihak Majlis berdasarkan pengiktirafan dan mematuhi spesifikasi JKR.</p> <p>F Pihak kuari akan keluaran laporan DESIGN MIX dan menjalankan TRIAL MIX dikuari bagi tujuan semakan Majlis. Semua kos terlibat akan ditanggung oleh pihak kontraktor.</p> <p>G Jenis ujian yang dijalankan hasil dari coring hole tersebut adalah seperti yang tertera di lampiran INSPECTION AND TEST PLAN.</p> <p>H Docket penghantaran bahan turapan perlu disemak dan disahkan bersama oleh wakil kontraktor yang sah bersama pegawai penguasa atau wakil pegawai penguasa MPSJ.</p> <p>J Kegagalan/kekurangan mutu sebahagian dan/atau kesemua hasil kerja turapan baru yang diperolehi melalui maklumat ujian makmal yang dihantar terus ke MPSJ oleh pihak makmal akan menyebabkan pihak kontraktor menjalankan turapan semula mengikut kaedah dan spesifikasi JKR/SPJ/2008-S4 (seksyen berkaitan) tanpa mendapat bayaran tambahan.</p> <p>K Setiap sambungan antara turapan baru siap dipadat dan turapan baru yang akan diturap (melebihi 12 jam), sisi turapan baru siap dipadatkan perlu dipotong terlebih dahulu (minima 50mm lebar) dan dipanaskan sisi tersebut menggunakan <i>blow torch</i> sebelum kerja turapan baru dapat disambung.</p> <p>L SAMBUNGAN KEKUNCI (<i>key joint</i>) perlu dibuat bagi setiap sambungan kerja yang tidak mempunyai kerja kisaran (<i>milling works</i>)</p> <p>M Harga yang dinyatakan adalah termasuk kos buruh, penyewaan jentera <i>paver</i>, <i>tandem roller</i>, <i>pneumatic tyre roller</i>, <i>mesin pemotong jalan</i> dan <i>blow torch</i>.</p>

CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA SEBAHAGIAN JALAN PUCHONG UTAMA 1 DAN JALAN PUCHONG UTAMA 2 TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	PREAMBLES
	<p>KERJA-KERJA TURAPAN JALAN (LALUAN MASUK KE RUMAH)</p> <p>A Harga yang dinyatakan adalah termasuk kos buruh dan penyewaan jentera <i>baby roller</i>.</p>
	<p>KERJA-KERJA CAT JALAN DAN PERABOT JALAN</p> <p>B Kesemua kerja membuat garisan jalan ini hanya boleh diteruskan setelah LULUS ujian makmal bagi kerja turapan jalan. Walau bagaimanapun, garisan jalan sementara boleh diteruskan sebaik suhu turapan sesuai.</p> <p>C Papantanda 'BONGGOL' ini perlu dipasang terlebih dahulu mengikut arahan P.P atau wakil P.P sebelum kerja menurap semula dijalankan.</p>
	<p>KERJA-KERJA PEMBERSIHAN TAPAK</p> <p>D Kontraktor perlu membersihkan serta membuang semua sisa binaan, sampah sarap, sampah buangan, sisa lanskap, kayu kayan, bongkah batu dan semua mendapan ke tempat pembuangan yang dibenarkan sahaja. Lokasi pembuangan perlu ditentukan oleh pihak kontraktor sendiri. Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya kontraktor didapati tidak mematuhi arahan ini.</p>
	<p>KUANTITI ADALAH SEMENTARA / ANGGARAN</p> <p>E Kuantiti yang dinyatakan adalah sementara dan/atau anggaran sahaja. Bayaran akan dibuat berdasarkan kepada kuantiti sebenar ditapak yang akan diukur / dikira dan disahkan bersama di tapak antara kontraktor atau wakilnya yang sah dan Juruukur Bahan Majlis Perbandaran Subang Jaya atau wakilnya yang sah setelah semua kerja siap dijalankan.</p>
	<p>LAIN-LAIN NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</p> <p>F Setiap kerja turapan yang dijalankan, perlu mematuhi arahan, spesifikasi serta piawaian <i>standard specification for road works (section 4 flexible pavement) jkr/spj/2008-s4</i> serta pemantauan oleh pegawai penguasa atau wakilnya. Sekiranya terdapat kekurangan, kecacatan atau kerosakan kepada hasil mutu kerja turapan disebabkan oleh kesilapan kontraktor, pegawai penguasa atau wakilnya berhak menolak kesemua dan / atau sebahagian kerja turapan tersebut secara lisan (verbal) dan akan diikuti oleh penolakan secara bertulis. Kerja turapan semula perlu dijalankan oleh kontraktor mengikut piawaian jkr/spj/2008-s4 (seksyen berkaitan) tanpa mendapat bayaran tambahan dari pihak majlis.</p> <p>G Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu berkait dengan kontraktor adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan dan but keselamatan selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kontraktor di denda sebanyak RM 50.00 bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu. Denda tersebut akan dibuat melalui pemotongan pada jumlah tuntutan pembayaran yang dikemukakan kepada jabatan.</p>

CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA SEBAHAGIAN JALAN PUCHONG UTAMA 1 DAN JALAN PUCHONG UTAMA 2 TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	PREAMBLES
	LAIN-LAIN NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN (SAMBUNGAN)
A	Kontraktor diwajibkan meletakkan seorang penyelia tapak sepenuh masa bagi memantau semua kerja yang akan dijalankan. Penyelia tapak ini perlulah boleh dihubungi pada setiap masa, bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk membuat keputusan segera.
B	Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat mana-mana pekerja kontraktor atau individu yang berkaitan dengan kontraktor yang ditahan atas apa juga alasan atau kesalahan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berhak. Ia tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk menuntut Lanjutan Masa (E.O.T)
C	Pihak kontraktor dinasihatkan agar membuat laporan polis sekiranya terdapat mana-mana pihak / kumpulan / individu yang cuba / telah memeras ugut / bertindak ganas / mengganggu kakitangan atau individu yang dibawah kawalselia pihak kontraktor. Ini adalah bagi melindungi keselamatan / kepentingan nyawa dan harta milik kontraktor di tapak. Pihak majlis tidak akan campur tangan secara lansung atau tidak lansung dalam menangani permasalahan ini
D	Pihak kontraktor dikehendaki membuang semua sisa korekan, sisa semua jenis sampah dan sisa semua jenis pembersihan ke lokasi yang telah diluluskan oleh jabatan alam sekitar dan pihak berwajib lain. Kontraktor dinasihatkan untuk mencari lokasi serta memastikan lokasi tersebut telah diluluskan oleh pihak berwajib sebagai lokasi pembuangan sampah sebelum membuang semua sisa diatas. Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab secara lansung atau tidak lansung sekiranya pihak kontraktor didapati bersalah kerana tidak mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan oleh pihak berwajib.
E	Pihak kontraktor atau wakilnya yang sah, akan dimasukkan ke dalam satu kumpulan 'whats app' (whats app group) yang akan dinamakan kemudian bagi memudahkan / mencepatkan penyaluran semua makluman / maklumat / pertanyaan / jawapan / arahan kerja. Semua transaksi perbualan adalah sebagai satu transaksi rasmi dan perlu dipatuhi oleh pihak kontraktor. Kumpulan ini akan hanya dipadamkan selepas tempoh kecacatan berakhir. Pihak kontraktor tidak dibenarkan meninggalkan kumpulan ini tanpa sebarang notis dan / atau sebab yang munasabah.
F	Pihak kontraktor digalakkan membuat lawatan tapak bagi melihat keperluan / permasalahan / mencari maklumat yang terdapat ditapak bagi memudahkan pihak kontraktor membuat anggaran harga. Kos lawatan tapak adalah dibawah tanggungjawab pihak kontraktor sendiri.
	CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)
G	Semua tawaran harga secara tender yang dikemukakan oleh Pentender hendaklah tanpa kenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).
H	Pentender hendaklah mengistiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST kepada pihak Majlis.

CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA SEBAHAGIAN JALAN PUCHONG UTAMA 1 DAN JALAN PUCHONG UTAMA 2 TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	PREAMBLES
A	<p>Sekiranya Pentender yang Berjaya adalah berdaftar GST dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Pentender yang Berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaaan GST.</p>
B	<p>Bagi Pentender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Pentender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta GST. Pentender juga hendaklah membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaaan GST. Pelarasan harga kenaaan GST tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P).</p>
<p>KESELAMATAN PEKERJA SERTA LOKASI KERJA</p>	
C	<p>Pihak kontraktor perlu menyediakan segala peralatan perhubungan dan keselamatan yang mencukupi bagi semua pekerja / kakitangan kontraktor yang terlibat di tapak seperti 'walkie talkie', topi keselamatan, vest keselamatan, but keselamatan, but kalis air, baju hujan dan lain - lain keperluan berkaitan yang dirasakan perlu.</p>
D	<p>Pihak kontraktor perlu menyediakan 'Pengurusan Trafik'. Semua peralatan keselamatan perlu sentiasa bersih agar ia kelihatan (visible) kepada pengguna laluan ini. Saiz papantanda yang digunakan perlu mematuhi Jadual Alat Keselamatan JKR-REAM atau lebih tinggi. Peralatan yang tidak mematuhi syarat akan/perlu dikeluarkan dari tapak.</p>
E	<p>Kegagalan pihak menyediakan 'Pengurusan Trafik' adalah dibawah tanggungjawab pihak kontraktor. Pihak majlis tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung sekiranya terjadi sebarang tuntutan atas mana-mana kemalangan, kematian, kerosakan atau kecederaan yang berlaku didalam lingkungan kawasan kerja dijalankan sepanjang tempoh kerja dijalankan.</p>
<p>DOKUMENTASI UNTUK SEMAKAN DAN KELULUSAN JABATAN KEJURUTERAAN</p>	
F	<p>Pihak kontraktor perlu kemukakan 'Design Mix' lengkap dengan 'job mix formula' (jmf) / 'job site mix' (jst), senarai jentera/mesin/loji/lori, 'method statement', dan carta program kerja (work programme chart), untuk semakan dan kelulusan jabatan sebelum kerja fizikal dimulakan.</p>
<p>JENTERA / MESIN / LOJI / PERALATAN / LORI</p>	
G	<p>Kesemua jentera / mesin / loji / peralatan / lori yang akan digunakan di tapak kerja perlu mematuhi syarat / peraturan / pemeriksaan / kelulusan oleh pihak berwajib sebelum ia boleh dibawa ke tapak kerja. Ciri-ciri keselamatan terhadap jentera / mesin / loji / peralatan / lori seperti lampu hadapan, lampu belakang, bunyi amaran, hon, lampu amaran perlu sentiasa berada dalam keadaan baik sepanjang waktu kerja dijalankan. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor dilantik memastikan semua mesin memenuhi syarat berwajib.</p>

CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA SEBAHAGIAN JALAN PUCHONG UTAMA 1 DAN JALAN PUCHONG UTAMA 2 TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	PREAMBLES
	<p>NOTA KERJA-KERJA TURAPAN PERMUKAAN JALAN</p>
A	<p>Bagi kerja yang tidak menggunakan kaedah kisanan (milling), satu 'key joint' perlu dibuat bagi mengikat / mengunci turapan baru pada turapan lama. Ia perlu dipotong terlebih dahulu menggunakan 'diamond cutter', dikorek / dikisar secara bersudut menggunakan 'backhoe' atau 'milling machine'.</p>
B	<p>Permukaan yang akan disembur 'tact coat' ini perlulah dibersihkan terlebih dahulu dari longgokan pasir, tanah, lumut, air bertakung, cecair bergris, sampah sarap, sampah landskap, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain bahan yang akan mengganggu tahap lekatan semburan.</p>
C	<p>Satu lapisan 'bituminous tack coat' jenis Rapid Setting (RS-1K), disembur pada kadar 0.25 - 0.55 liter/m².</p>
D	<p>Kerja turapan hanya boleh diteruskan selepas kerja semburan 'bituminous tack coat' ini mendapat kelulusan / kebenaran Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa (kerja semburan ini juga akan dijalankan dilaluan masuk ke rumah sekiranya berkaitan)</p>
E	<p>Permukaan yang telah disembur 'tact coat' dan kemudiannya dibasahi oleh aliran / semburan air / air hujan perlu disemak semula oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya sebelum kerja turapan boleh disambung semula. Ini adalah bagi memastikan semburan 'tact coat' asal masih berfungsi. Semburan semula perlu dibuat sekiranya didapati 'tact coat' asal kurang / tidak berfungsi. Tiada bayaran tambahan untuk kerja semburan semula 'tact coat'.</p>
F	<p>DIWAJIBKAN untuk menjalankan 'TRIAL LAY' bagi mendapatkan 'rolling pattern' yang paling sesuai mengikut lokasi tapak. Berikut adalah jumlah 'load' mengikut kategori jalan.</p> <p>i. rezab jalan <50' - 2 load minima</p> <p>ii. rezab jalan 50' hingga 66' – 4 load minima</p> <p>iii. rezab jalan 100' hingga 132' – kerja turapan semula -2 load setiap lorong minima</p> <p>iv. rezab jalan 100' hingga 132' – kerja kisar dan turap semula -2 load setiap lorong minima</p>
G	<p>Bahan turapan WAJIB dibekal dari kuari yang diluluskan oleh pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya berdasarkan pengiktirafan dan mematuhi spesifikasi JKR seperti yang tertera dilampiran 'SENARAI NAMA KUARI DILULUS MPSJ'. Pembekal adalah dari pembekal sama yang telah diluluskan 'Design Mix' semasa semakan dokumentasi. Sekiranya punca bekalan tidak sama seperti yang telah diluluskan oleh pihak majlis, maka sebahagian dan / atau kesemua turapan berkaitan tidak akan diterima dan kerja turapan semula perlu dijalankan tanpa kos tambahan.</p>

CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA SEBAHAGIAN JALAN PUCHONG UTAMA 1 DAN JALAN PUCHONG UTAMA 2 TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	PREAMBLES					
	TYPE	SPEISIFICATION CLAUSE	TESTS & INSPECTION	ACCEPTANCE CRITERIA	FREQUENCY	
					TRIAL LAY	NORMAL LAY
A	AC14	4.3.3.2 (table 4.3.3)	Sieve analysis	Refer to schedule 1	Each lorry load	One test per 200 tons asphalt plant production
		4.3.3.3 (table 4.3.4)	Bitumen content	4.0% - 6.0%	Each lorry load	One test per 200 tons asphalt plant production
		4.3.3.3 (table 4.3.5)	Marshal test - stability – S - flow – F - stiffness – S/F - voids in mix – VIM - voids filled with bitumen - VFB	> 8000N 2.0 – 4.0 mm > 2000 N/mm 3.0% - 7.0% 70% - 80%	Each lorry load	One test per 200 tons asphalt plant production
		4.3.3.5 (table 4.3.7)	Compaction test	98% - 100% of marshall density	3 samples of every lorry	1 sample of 500m2 @ 2 samples of work completed
		4.3.2.4 (C)	Tray test	0.25 to 0.55 litre/sqm	1 sample of every lorry	1 sample of 500m2
	SMA	4.7.3 (table 4.7.4)	Sieve analysis	Refer to schedule 1	Each lorry load	One test per 200 tons asphalt plant production
		4.7.4.1	Bitumen content	Determine from design mix	Each lorry load	One test per 200 tons asphalt plant production
		4.7.4.1 (table 4.7.5)	Marshal test - stability – S - flow – F - voids in mix – VIM - voids filled with bitumen - VFB	Min 6200N 2.0 – 4.0 mm 3.0% - 5.0% Min 17%	Each lorry load	One test per 200 tons asphalt plant production
		4.7.4.2	Binder drain dow test	Max 0.3%	Each lorry load	One test per 200 tons asphalt plant production
		4.7.6.5	Compaction test	94% - 100% of marshall density	3 samples of every lorry	1 sample of 500m2 @ 2 samples of work completed
4.3.2.4 (C)		Tray test	0.25 to 0.55 litre/sqm	1 sample of every lorry	1 sample of 500m2	

CADANGAN KERJA-KERJA MENURAP SEMULA SEBAHAGIAN JALAN PUCHONG UTAMA 1 DAN JALAN PUCHONG UTAMA 2 TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN, PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN.

BIL	PREAMBLES
A	Kegagalan / kekurangan mutu sebahagian dan/atau kesemua hasil kerja turapan baru yang diperolehi melalui maklumat ujian makmal yang dihantar terus ke MPSJ oleh pihak makmal akan menyebabkan pihak kontraktor menjalankan turapan semula mengikut kaedah dan spesifikasi JKR/SPJ/2008-S4 (seksyen berkaitan) tanpa mendapat bayaran tambahan.
B	Setiap sambungan antara turapan baru siap dipadat dan turapan baru yang akan diturap (melebihi 12 jam), sisi turapan baru siap dipadatkan perlu dipotong terlebih dahulu (minima 50mm lebar) sebelum kerja turapan baru dapat disambung.
C	Semua penutup lurang (manhole) yang terdapat didalam jajaran kerja-kerja turapan perlu diturap dan ditandakan mengikut 'GARIS PANDUAN AMALAN BAIK DALAM KERJA TURAPAN DAN SENGGARA JALAN' oleh pihak JKR. Ia perlu dimaklumkan dan dibincang bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya terlebih dahulu.
D	Kerja membuat garisan jalan hanya boleh dimulakan setelah LULUS ujian makmal bagi keseluruhan kerja turapan jalan. Ia akan dimaklumkan didalam grup 'whatss app' yang akan diwujudkan kelak. Walaubagaimanapun, garisan jalan sementara termasuk garisan pembahagi jalan (centre line) serta garisan bonggol wajib dijalankan sebaik suhu turapan sesuai pada jajaran kekal.
E	Papantanda 'Bonggol' perlu dipasang terlebih dahulu mengikut arahan Pegawai Penguasa (P.P) atau wakil Pegawai Penguasa sebelum kerja menurap semula dijalankan. Ia adalah bagi mengelakkan bonggol sediaada hilang (invisible) kepada pengguna laluan berkaitan.
F	Harga yang dinyatakan adalah termasuk kos buruh, penyewaan serta penghantaran jentera / mesin / lori / loji berkaitan ke tapak dan keluar dari tapak kerja.